



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 9

RABU, 1 MEI, 1963 (8 Zul-Hijjah, 1382)

PERCHUMA

16 ORANG BUKAN MELAYU LULUS

KEJAYAAN DAPAT PERHATIAN HANGAT

KUALA BELAIT. — Satu upacara menyampaikan sijil kelulusan Bahasa Melayu kepada lulusan2 darjah dewasa asing telah di-langsungkan dengan meriah-nya di-Dewan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin (SMAT) di sini pada hari Ahad lepas.

Sa-ramai 16 orang China termasuk antara-nya empat orang wanita yang telah tamat kursus bahasa Melayu sa-lama tiga tahun itu telah menerima sijil tersebut.

Upacara yang julong2 kali di-adakan itu telah di-jayakan oleh jawatankuasa khas Badan Penyelenggara Penyampaian Sijil2 darjah dewasa Bahasa Melayu bagi bukan Melayu.

Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Tuan Haji Jamil bin P.U. Khatib Hj Umar, dalam ucapan-nya memuji2 kejayaan penuntut2 itu telah berkata bahawa dengan kejayaan mereka itu adalah suatu tanda bahawa gsa asing di-negeri ini telah mengambil berat peri penting-nya bahasa Melayu di-pelajari mereka.

MENGAMALKAN

"Ini juga menandakan betapa penghargaan dan sanjungan mereka terhadap penggunaan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi dan utama di-negeri ini", tegas beliau.

Tuan Haji Jamil telah juga menyatakan rasa terharu-nya atas kejayaan mereka itu dan berharap supaya mereka bukan hanya mempelajari sa-takat yang di-pelajari, tetapi hendak-lah mengamalkan-nya demi kepentingan hidup dalam satu bahasa, satu bangsa dalam satu negara yang terchinta.

Beliau juga menarek perhatian kepada bangsa2 asing yang be-

Chuti Hari Raya

BANDAR BRUNEI.—Ra'ayat Islam di-Brunei akan menyambut Hari Raya Haji tahun ini pada hari Ahad, 5 Mei, demikian telah di-umumkan oleh Kerajaan.

Dengan itu kata pengumuman itu hari2 kelepasan jatuh kepada hari Isnin dan Selasa ia-itu 6 dan 7 Mei.

lum mempelajari bahasa Melayu supaya mengambil contoh tulan dan atas kejayaan mereka itu.

Sa-terus-nya beliau berkata bahawa kegembiraan ada-lah terbit dari orang yang mendapat kejayaan.

Terdahulu dari itu, Inche Chin Kui Fah, wakil penuntut2 tersebut dalam ucapan-nya telah menyatakan bahawa ia-nya menyedari hanya dengan satu bahasa sahaja baharu-lah keamanan dan kema'moran di-negeri kita yang di-chintai ini akan dapat di-chapai.

"Dari itu kami berharap kepada sekalian penuntut2 yang bukan Melayu yang sedang mempelajari Bahasa Melayu di-darjah2 dewasa, akan mempelajari

(Lihat muka 4)

P. B. B. AMBIL BERAT HAL LUAR NEGERI

BANDAR BRUNEI.—Ra'ayat Indonesia dan tegas-nya President Sukarno sendiri sudah tentu bergembira hari ini dan perasaan sa-rupa itu sa-patut-nya juga dapat bersama2 di-rasa oleh

dan kehidupan mereka jauh berbeza, tetapi kata President Sukarno penduduk2 di-wilayah itu ada-lah sa-bahagian dari bangsa Indonesia.

Tuan C.V. Narasimhan, Ketua Kabinet P.B.B. dalam perjalanan-

(Lihat muka 8)



TUAN NARASIMHAN

penduduk2 Irian Barat atau New Guinea Barat.

Dari pemerentahan Belanda kemudian di-bawah awasan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan hari ini Wilayah Irian Barat masuk ka-pangkuan Republik Indonesia. Ini-lah yang di-chita2 oleh President Sukarno dan telah di-perjuangkan sa-lama 18 tahun.

Walau pun bentuk, keadaan

TIMBALAN MENTERI DI-ULU

KUALA BELAIT. — Timbalan Menteri Besar Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud telah bertolak dari sini ka-kampung2 Ulu Belait dalam satu bidang lawatan rasmi, pada pagi Isnin lepas.

Lawatan itu mengambil masa sa-lama tiga hari.

Dato Setia Pengiran Haji Ali telah di-iringkan oleh Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Kadhi Daerah Belait Tuan Haji Adenan bin Pehin Dato Imam, OCPD Ibrahim dan beberapa orang pegawai kanan Kerajaan yang lain-nya.

Lawatan yang julong2 kali di-adakan oleh Timbalan Menteri Besar ka-kampung2 pendalaman itu telah memberi peluang kepada penduduk2 di-sana untuk dapat bertemu muka dengan beliau.

Penduduk2 juga telah berpeluang menghadapi berbagai2 perkara dan masalah terutama perkara2 yang mengenai kampung mereka sendiri.

Rombongan Timbalan Menteri Besar itu di-jadualkan kembali ka-sini lewat hari ini.



Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Tuan Hj. Jamil memberi penerangan kepada Ahli2 Tertinggi Dewan Perniagaan China peri penting-nya mempelajari bahasa Melayu di-kalangan penduduk2 asing dalam negeri ini. Antara yang hadir dalam perjumpaan itu, termasuk-lah Pengerusi Dewan tersebut, Inche Lee Liang Gee dan Pehin Dato Temenggong China, Lim Ching Choo (nombor 2 dari kiri). Berita penoh lihat muka 3.

Perjumpaan Guru2 Sekolah Ugama Daerah Belait

SERIA. — Satu perjumpaan guru2 Ugama Daerah Belait telah berlangsung pada 27 April lepas bertempat di-Dewan Tunas Harapan, Sekolah Melayu Mohammad Alam di-sini.

Pemeriksa Sekolah2 Ugama Daerah Belait Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah yang telah juga mengemudi majlis tersebut dalam ucapan-nya telah berkata bahawa guru2 ugama haruslah menganggap diri mereka sa-bagai adek kapada guru2 sekolah Melayu dan sa-bagai bapa kapada murid2.

Menyatakan demikian beliau telah terangkan betapa perlu-nya urusan2 bagi mengembangkan pelajaran yang di-selenggarakan dengan perasaan persaudaraan dan kerjasama.

Kata-nya kerjasama antara guru2 Ugama dengan guru2 Melayu ada-lah sangat2 diperlukan kerana murid2 yang mereka didek itu ada-lah sama; melainkan bidang pelajaran yang di-ajarkan mereka saja yang berlainan.

Dengan jalan ini-lah, kata Inche Abdul Rahman, kemajuan akan lebih di-dapat bukan saja bagi sekolah2 bahkan yang utama bagi murid2 itu sendiri.

Kata-nya, perasaan cinta pada tiap2 jiwa murid haruslah ditanam dan dengan jalan itu juga akan menimbulkan kerjasama yang lebih giat dan perkembangan pelajaran ugama yang lebih berkesan.

Perasaan cinta sa-bagai sa-orang bapa dan bagi murid2 sa-bagai anak ada-lah akan menimbulkan pengertian yang membawa faedah bukan saja kapada murid2 dan guru2 itu sendiri bahkan juga seluruh penduduk 'am-nya, tegas beliau.

Kemudian Inche Abdul Rahman menumpukan pandangannya kapada kaum wanita yang masih lagi segan2 menyertai darjah2 dewasa ugama di-daerah Belait.

Kata-nya guru2 Ugama Perempuan hendaklah berusaha dengan sedaya upaya demi perkembangan darjah2 dewasa Ugama di-Daerah Belait.

BELUM TERLEWAT BELAJAR

PEKAN TUTONG. — Pemeriksa Sekolah2 Ugama Daerah Tutong, Inche Mahalee bin Haji Abdullah, telah menggesa ketua2 kampung di-daerah Tutong supaya mengerah anak2 buah mereka untuk memasoki darjah2 Dewasa Ugama yang telah di-sediakan oleh Kerajaan.

Ini, telah di-nyatakan oleh beliau dalam satu perjumpaan antara beliau dengan 15 orang ketua2 kampung Daerah Tutong yang telah di-langsungkan di-Bilik Mahkamah di-sini pada 20 April lepas.

Kata Inche Mahalee, ajaran Ugama Islam harus di-pelajari dengan sa-dalam2-nya oleh setiap orang yang mengaku diri-

Kalau perlu, kata-nya lagi, guru2 perempuan hendaklah mengadakan lawatan2 ka-rumah2 di-kampung masing2 untuk memberikan penerangan betapa mustahak-nya pelajaran Ugama itu di-tuntut dan di-pelajari oleh sa-saorang yang mengaku diri-nya Islam.

Pemeriksa Kanan Sekolah2 Ugama Negeri Brunei Tuan Haji Abdul Rahman yang juga turut berucap dalam majlis itu berkata guru2 sekalian hendaklah memimpin murid2 baik dalam darjah2 kanak2 mau pun di-darjah2 dewasa hendaklah dengan berhatih2 sa-bagai mengamalkan 'amal Jariah.

Kata-nya guru2 ugama janganlah mensifatkan tugas dan kewajiban mereka samata2 kerana makan gaji. Itu ada-lah salah, tegas beliau.

Guru, kata beliau, ada-lah mempunyai ma'ana yang lebih

DENGAR BACHAAN KORAN



Inche Abd. Rahman (nombor 5 dari kiri), Haji Abd. Rahman (nombor 4 dari kiri) dan jemputan2 khas sedang ashek mendengarkan bacaan ayat2 suci Al-Koran.

dari mengajar atau mendidik murid2.

"Guru dalam erti kata ada-lah mempunyai ma'ana sa-orang yang mempunyai ikhlak yang tinggi, marwah yang tinggi dan dalam serba serbi ada-lah tinggi," kata Tuan Haji Abdul Rahman lagi.

nya Islam.

Beliau juga menyeru kapada ketua2 kampung yang belum lagi mengadakan darjah2 Dewasa Ugama supaya mengadakan-nya sa-belum tertinggal jauh.

Darjah2 Dewasa Ugama di-daerah itu sekarang ini telah meningkat sa-banyak 13 buah yang di-adakan di-suara2, mesjid2 dan di-sekolah2.

"Chegu2 sekalian," kata beliau, "ada-lah mempunyai kewajiban untuk bekerjasama dengan guru2 sekolah Melayu, ketua2 kampung, pegawai2 Mesjid dan anak2 kampung sekalian untuk memajukan sekolah2 ugama di-kampung2.

Terdahulu dari itu setiausaha majlis telah menerangkan bahawa tujuan mengadakan perjumpaan demikian ada-lah juga untuk memberi peluang kapada tiap2 orang berjumpa satu dengan lain.

Dengan jalan itu, kata-nya, akan membolehkan mereka bertukar2 fikiran demi kebajikan dan kebaikan dalam perkembangan Ugama Islam di-negeri ini.

Majlis perjumpaan itu telah di-mulakan dengan bacaan kitab suci Al-Koran oleh guru Koran Daerah Belait.

Sambil hadhirin menikmati jamuan ringan majlis telah dihiborkan oleh Chegu Abdul Kadir Awang dengan persembahan Nashid.

Sa-lain dari guru2 Ugama lelaki dan perempuan yang hadir dalam perjumpaan itu beberapa orang jemputan khas telah juga bersama2 mengikuti majlis itu.

DI-TERIMA KA-UNI MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang penuntut Brunei baharu2 ini telah menamatkan pelajaran mereka dalam Form VI dan telah lulus peperiksaan Sijil School Higher dan berjaya untuk menyambungkan pelajaran mereka di-Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ketiga2 mereka itu ia-lah penuntut dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Mereka akan menyambungkan pelajaran dalam bidang Faculty of Arts.

Bakal mahasiswa2 itu ia-lah Abdul Rahman bin Mohammad Taib, Mahmud bin Bakir dan Ahmad bin Jumat.

Ini-lah julong2 kali anak Melayu mendapat kejayaan untuk memasoki sebarang Universiti terus dari Brunei, dan juga anak Brunei yang pertama kali akan melanjutkan pelajaran di-Universiti Malaya.

DARJAH BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei akan mengadakan darjah Bahasa Melayu bagi orang2 yang bukan Melayu mulai 6 Mei ini, demikian telah di-nyatakan oleh Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar.

Ini telah di-nyatakan beliau dalam satu perjumpaan-nya dengan Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Dewan Perniagaan China di-pejabat-nya pada 23 April lepas.

Beliau memberitahu, langkah jabatan-nya mengadakan darjah tersebut ada-lah untuk memberi peluang kapada kaki tangan sharikat2 perniagaan dan pekedai2 di-sini yang bukan Melayu untuk mempelajari Bahasa Melayu.

Dalam perjumpaan itu, beliau telah meminta kerjasama dari ahli2 tertinggi itu supaya dapat memberikan penerangan2 kapada orang2 China di-negeri ini ten-

tang mustahak-nya mereka mempelajari Bahasa Kebangsaan.

Inche Lim Boon Koon, salah sa-orang ahli tertinggi Dewan Perniagaan China telah menyatakan kesanggupan-nya memberi kerjasama dalam melaksanakan chita2 tersebut.

Kemudian ahli2 Tertinggi Dewan Perniagaan itu pun dengan sa-bulat suara telah memberikan kesanggupan mereka.

Tuan Haji Jamil juga menerangkan darjah2 Bahasa Melayu itu akan memberi peluang kapada semua orang2 China yang ingin memasoki-nya dan beberapa orang guru akan di-tugaskan untuk mengajar mereka.

BAGINDA MENDERMA LAGI

Mangsa2 Hendaki Wang

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menderma wang sa-banyak \$782.03 kapada tabong derma banjir di-negeri ini, demikian menurut Setiausaha Jawatankuasa Derma Banjir, Brunei Inche R.D. Ross minggu lepas.

Ini ada-lah kali yang kedua Baginda menderma kapada tabong tersebut dan pertama kalinya Baginda telah menderma sa-banyak \$1,000.00 beberapa bulan yang lalu.

Sementara itu, Pertubuhan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah juga menderma sa-banyak \$145.69 kapada tabong itu.

Sa-hingga hari ini sa-jumlah \$25,829.68 derma wang dari orang2 persaorangan, pertubuhan2, sharikat2 perniagaan dan abat2 kerajaan telah di-terima oleh jawatankuasa tabong derma banjir itu.

Sa-banyak \$25,805.08 dari jumlah itu telah di-bahagi2kan kapada mangsa2 banjir di-daerah2

Tutong, Temburong dan Belait.

Menurut Inche Ross, derma berupa wang dan kain2 masel di-kehendaki lagi untuk membantu mangsa2 banjir di-ketiga2 daerah itu yang hingga sekarang ini masel lagi mengharapakan bantuan.

Bantuan yang berupa kain itu perlu di-buat memandang kapada mangsa2 banjir dan tanah runtuh di-daerah Tutong yang hingga sekarang ini masel memerlukan bantuan sa-demikian, kata Inche Ross.

Beliau menyatakan, di-sebahkan rumah2 mangsa banjir di-ketiga2 daerah itu ada yang masel belum di-perbaiki lagi, maka bantuan wang ada-lah sangat2 di-perlukan.

LAHIR-LAH MAJALLAH SUARA BRUNEI

SUARA BRUNEI (Majallah Radio) sudah pun lahir buat pertama kali-nya. Penjualan-nya sekarang sedang di-bereskan di-kedai2 penjual buku dan surat2 khabar dalam negeri sejak hari Sabtu lepas. Harga-nya sa-naskhah hanya 30 sen.

Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Dato Setia Pengiran Hj. Md. Yusuf bin Pengiran Hj. Abdul Rahim dalam kata aluan-sa-bagai mengalu2kan majallah yang solong itu berdo'a samoga penerbitan-nya akan terus maju dan mendapat perhatian dari umum.

Beliau juga menyebut2 peri mustahak-nya Jabatan Siaran Radio dan Penerangan di-kalangan ra'ayat jelata.

Kata-nya, Radio ada-lah alat negara yang menghubungkan antara kerajaan dengan ra'ayat dan juga dengan dunia luar. Maka dengan hal yang demikian kita ada-lah senantiasa berusaha dengan sa-genap daya tenaga untuk meninggikan darjah Jabatan terma'alum dari satu masa ka-satu masa, degas beliau.

PERANTARAAN RADIO

Kemudian beliau meneruskan kata aluan-nya dengan menyebut2 keperluan ada-nya radio terutama dalam keadaan dharurat yang di-alami oleh negeri ini.

Hanya-lah dengan perantaraan radio, pihak kerajaan boleh mententeramkan jiwa ra'ayat dalam menghadapi mala petaka yang di-chetuskan oleh sa-bilangan orang2 yang jahil yang telah melancarkan penderhakaan dalam bulan Disember tahun lepas.

Suara Brunei, kata Dato Setia

Pengiran Haji Md. Yusuf salanjut-nya, masa ini menjadi panduan awam bagi mengikuti achara2 siaran radio Brunei dan akan membawa siaran "Suara Malaysia" pada masa akan datang.

Pada masa itu-lah nanti siaran Radio Brunei akan dapat di-dengar di-seluruh kawasan Malaysia dan negeri2 luar bilamana siaran melalui gelombang pendek siap di-usahakan, kata beliau.

PENDERHAKAAN AKIBAT JAHIL

KUALA BELAIT. — Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Belait Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah berkata menchetus-nya penderhakaan boleh jadi di-sebabkan kekurangan ilmu pengetahuan dan kecheteakan atau kejahilan penduduk2 dalam ajaran2 Ugama Islam.

Ugama Islam, kata Inche Abdul Rahman, ada-lah memberi pimpinan dan panduan untuk hidup sempurna, dan untuk mengenal yang mana baik dan yang mana buruk.

Beliau telah berkata demikian dalam satu perjumpaan-nya dengan penghulu2 dan ketua2 kampung di-Daerah Belait di-bilik Majlis Mesuarat Daerah di-sini pada 25 April lepas.

Kata-nya penghulu2 dan ketua2 kampung hendak-lah memberikan kerjasama mereka dengan guru2 Ugama yang mengajar di-kampung masing2 dalam perkembangan dan mengenal Ugama Islam.

"Saya meminta kapada tuan2 semua supaya bersedia bekerjasama dan menasihatkan anak2 kampung mengambil peluang memasoki darjah2 dewasa Ugama yang di-adakan di-mana2 juga di-kampung2," seru Inche Abdul Rahman.

Pemereksa Sekolah2 Ugama itu juga menerangkan bahawa ada-lah kewajiban penghulu2 sa-bagai wakil kerajaan mengerahkan anak2 kampung sekalian untuk berdoyon2 memasoki darjah2 dewasa yang di-anjorkan oleh kerajaan itu.

Sidang Menteri2

NEW YORK. Naib President Filipina Emmanuel Pelaez dan Timbalan Perdana Menteri Malaya Tun Abd. Razak telah bersetuju bahawa persidangan Menteri2 Luar Indonesia, Malaya dan Filipina akan di-adakan di-Manila pada minggu ketiga bulan ini.

Persetujuan ini ada-lah dengan syarat Indonesia mempersetujui-nya.

TUAN LINTON BERSARA

SERIA. — Tuan P.M. Linton, Penguasa Pengelolaaan Sharikat Minyak Shell, Brunei, Padang Minyak Shell Sarawak dan Sharikat Minyak Shell Sabah telah mengumumkan bahawa beliau akan bersara sa-lepas mengambil chuti dalam bulan Oktober tahun depan.



TUAN WILLIAMS

Tuan Linton telah mengumumkan tentang persaraan-nya dalam satu mesuarat agong tahunan sharikat2 minyak tersebut yang telah di-adakan pada 25 dan 26 April lepas.

Ahli2 kongsi telah memberikan bayangan tentang chadangan mereka untuk menunjuk Tuan G. Williams sa-bagai pengganti jawatan Tuan Linton itu.

Tuan Linton, tahun ini akan meningkat umur 53 tahun, telah menjadi Penguasa Pengelolaaan sharikat2 Minyak Shell di-Borneo sejak tahun 1959.

Beliau mula2 menggabungkan diri-nya dalam perkhidmatan di-Shell dalam tahun 1955 dan telah menyandang berbagai2 jawatan dengan perkumpulan Sharikat2 di-beberapa tempat di-dunia ini, termasuk-lah negeri2 Belanda, Rumania, Venezuela dan Mesir serta Borneo.

Tuan G. Williams, 45 tahun, Pengelola Teknik bagi Sharikat Minyak Shell Brunei sejak 1959, pernah berkhidmat dalam lapangan pengelolaaan minyak di-negeri2 Somaliland, Indonesia, Nigeria, Belanda dan Libya.

Beliau mula2 berkhidmat di-Borneo sa-bagai Ketua Perondongan dalam tahun 1958.



PENUNTUT UGAMA LULUS PENGGAJIAN DI-KOLEJ ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang penuntut Brunei di-Kolej Islam Malaya, Klang, Selangor sekarang ini telah pun pulang ka-tanah ayer sa-lepas menchapai kejayaan2 yang gemilang dengan tertinggi dari Kolej tersebut.

Penuntut itu ia-lah Inche Abd. Hamid bin Bakal, berumur 24 tahun, salah sa-orang penuntut Brunei yang pertama sa-kali mendapat kelulusan yang terbaik dalam pengajian Ugama Islam di-Kolej tersebut.

Beliau telah di-berikan tiga sijil tertinggi dari Kolej itu.

Sijil2 tersebut ia-lah:

◆ Sijil Peringkat Pertama yang membolehkan beliau memasoki Universiti Al-Azhar, Mesir tanpa di-adakan peperiksaan;

◆ Sijil Peringkat Tertinggi Kolej Islam Malaya dengan mendapat "Grade II". Sijil ini juga membolehkan beliau memasoki jurusan untuk mengambil Ijazah M.A. di-Universiti Al-Azhar, dan

◆ Ijazah Diploma (Diploma of Education) dengan mendapat "Grade II".

Ketika di-tanya sama ada beliau akan melanjutkan pelajaran atau tidak beliau berkata:

"Kalau keadaan dan masa mengizinkan, saya berchita2 akan memohonkan biasiswa yang pernah di-tawarkan oleh Kerajaan Brunei bagi lulusan2 Kolej Islam dari Brunei untuk memperdalam pengetahuan ka-Al-Azhar Universiti untuk mendapatkan Ijazah M.A.

Mengenai kejayaan beliau setelah sa-puluh tahun berkechimpan dalam dunia pelajar beliau berkata:

TERIMA KASEH

"Saya sangat bershukor kerana telah lulus dari Kolej Islam dan menguchapkan terima kaseh yang tidak terhingga atas kemurahan Kerajaan Brunei memberikan biasiswa-nya kepada saya".

Beliau berharap akan dapat menaborkan bakti-nya kepada tanah ayer dan Ugama.

Inche Abdul Hamid di-lahirkan di-Kampong Tanjong Nangka, Sengkurong, dalam tahun 1939 dan ibu beliau telah meninggal dunia sa-masa beliau berumur 10 tahun.

Tatkala beliau sedang menuntut di-Sekolah Arab Al-Juned dalam tahun 1956 beliau telah mengalami kejadian yang amat sedeh, kerana dalam tahun itu-lah ayah beliau telah meninggal dunia.

Inche Abdul Hamid mula2 belajar di-Sekolah Melayu Sengkurong, Brunei pada tahun 1947 sa-hingga meningkat darjah V.

Sa-masa beliau masih menduduki bangku sekolah dalam darjah V pada tahun 1952, beliau telah terpilih untuk melanjutkan pelajaran ka-Sekolah Arab Al-Juned, di-Singapura untuk memperdalam pelajaran2 Ugama Islam.



INCHE ABD. HAMID

lam, Bahasa Arab dan lain2 atas biasiswa Kerajaan Brunei sehingga meningkat ka-tingkatan lima dan mendapat "Shahadah

Ilmiah" atau sijil pengetahuan. Dalam tahun 1956, beliau dan beberapa orang penuntut2 dari Brunei telah berjaya memasoki dan melanjutkan pelajaran ka-Kolej Islam Malaya, Klang, Selangor.

Sa-lama 7 tahun di-Kolej Islam beliau telah menempoh tiga peringkat kerusus. Dua tahun dalam kerusus "Persediaan", tiga tahun dalam "Peringkat Kolej" dan dua tahun dalam "Peringkat Tertinggi Kolej".

MENGEMBARA

Menurut beliau "Peringkat Persediaan" ada-lah di-beratkan berkenaan dengan "Pelajaran Umum" antara-nya termasuk-lah Ilmu Sain, Tawarikh, Ilmu Alam, Ilmu Hisab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

"Pelajaran2 yang berkaitan dengan Islam dan Bahasa Arab ada-lah juga termasuk. Pelajaran2 tersebut kebanyakan-nya di-berikan dalam Bahasa Arab", beliau menerangkan.

Peringkat Kolej pula ada-lah menitik-beratkan pelajaran2 berkenaan Ugama Islam, termasuk "Kajian Ilmu Fakeh" atau Undang2 Islam, Tafsir Koran, Hadith, Sejarah Islam, Sejarah

Perpechahan Mazhab2, Falsafah dan Tauhid.

"Dalam peringkat Kolej itu, pelajaran2 saperti Ilmu Jiwa, Ilmu Kemasharakatan, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris juga ada-lah di-titek beratkan," kata-nya.

Dalam pelajaran Peringkat Tertinggi Kolej pula yang sangat di-beratkan ia-lah "Kerusus Pendidikan" termasuk-lah peraktik-nya sa-kali dan tidak juga di-tinggalkan pelajaran2 yang berupa "akademik".

Di-luar pelajaran beliau pernah memegang jawatan Setia Usaha Badan Mengembara ia-itu salah satu cabang dari Persatuan Penuntut2 Kolej Islam Malaya (PPCIM).

Inche Abdul Hamid pernah di-pilih sa-bagai salah sa-orang pemeriksa Pelajaran Ugama Islam bagi Sijil Rendah Persekutuan (L.C.E.).

Ketika di-tanya tentang kegemaran sa-belum dan sa-sudah beliau menjadi pelajar di-Kolej Islam beliau menegaskan:

"Sa-bagai manusia biasa dan bukan malaikat atau Nabi2, kegemaran2 yang saya rasakan sudah sebatu dengan jiwa saya, ia-lah dalam seni lukis.

Kejayaan Mendapat Sambutan Hangat

(Dari Muka I)

jari dengan bersungguh2 hati demi perkembangan Bahasa Melayu ia-itu Bahasa Kebangsaan negeri kita dalam segala lapangan", tegas Inche Chin Kui Fah.

Di-samping menyatakan rasa bangga atas kejayaan mereka yang chemerlang itu, wakil penuntut2 itu juga berharap supaya pada tahun ini akan ramai lagi bilangan penuntut2 yang bukan Melayu datang mempela-jari Bahasa Melayu dalam darjah2 dewasa yang telah disediakan oleh Kerajaan.

"Ini sangat-lah mustahak kerana kita semua tahu, Bahasa Melayu ia-lah Bahasa Kebangsa-

an negeri kita — Brunei", tegas beliau.

Upacara menyampaikan sijil2 kejayaan mereka itu telah di-serikan dengan persembahan permainan pencharagam Melayu, Pancha Kirana Orkes, di-bawah pimpinan Bujang Johari sambil para jemputan menikmati jamuan ringan.

PENYANYI BERBAKAT

Beberapa orang penyanyi2 wanita yang berbakat dari Darjah Tinggi, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin telah memyumbangkan suara mereka sa-bagai menguchapkan selamat berjaya kepada penuntut2 tersebut.

Sa-lain dari itu penuntut2 itu telah juga mempersembahkan sa-

buah tarian Melayu.

Lebeh dari 300 orang termasuk di-antara-nya Pegawai Perubatan Daerah Belait, Dr. Panch, Pegawai Siaran Radio dan Penerangan Daerah Belait, Pengiran Mohammad bin Pengiran Matserudin, Nazir2 Sekola' Melayu Brunei dan Bel pegawai2 Kanan Kerajaan telah hadir dalam upacara tersebut.

Sijil2 kepada penuntut2 tersebut telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Sa-bagai chendera mata dari Jawatankuasa Badan Penyelenggara Penyerahan Sijil itu, Penaong Darjah Bahasa Melayu bagi bukan Melayu, Che'gu Taha bin Abd. Rahman telah menghadiahkan "bunga" kepada Pegawai Daerah Belait.

WAKTU SEMBAHYANG, AMSHAK

Waktu sembahyang dan amshak bagi daerah2 Brunei, Muara, Tutong dan Temburong dari 1 Mei hingga 14 Mei dan bagi daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu:

H.B.	Amshak	Suboh	Dzuhur	'Asar	Maghrib	'Isha
1.	4.36	4.52	12.24	3.44	6.31	7.44
2.	4.36	4.52	12.24	3.44	6.31	7.44
3.	4.35	4.51	12.23	3.43	6.31	7.44
4.	4.35	4.51	12.23	3.43	6.31	7.44
5.	4.35	4.51	12.23	3.43	6.31	7.44
6.	4.35	4.51	12.23	3.43	6.31	7.44
7.	4.35	4.51	12.23	3.43	6.31	7.44
8.	4.35	4.51	12.23	3.43	6.31	7.44
9.	4.34	4.50	12.22	3.42	6.31	7.44
10.	4.34	4.50	12.22	3.42	6.31	7.44
11.	4.34	4.50	12.22	3.42	6.31	7.44
12.	4.34	4.50	12.22	3.42	6.31	7.44
13.	4.34	4.50	12.22	3.42	6.31	7.44
14.	4.34	4.50	12.22	3.42	6.31	7.44

★
MENYERTAI

MALAYSIA

ATAS

KEMAHUAN

KITA

SENDIRI
★

Meraikan Kejayaan Bahasa Melayu

KUALA BELAIT. — Jawatankuasa Khas Badan Penyelenggara Penyampaian Sijil bagi penuntut2 dewasa bukan Melayu telah mengadakan sambutan dengan mariah-nya bagi meraikan 16 orang penuntut2 dewasa China termasuk empat orang wanita yang telah lulus ujian terakhir bagi tahun 1962.



Gambar di-atas sa-kali, penyanyi2 berbakat Sekolah Tinggi Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah memperdengarkan sa-buah nyanyian Melayu sa-bagai mengucapkan selamat berjaya kepada penuntut2 Darjah2 Dewasa Bahasa Melayu bukan Melayu yang di-raikan itu. Gambar bawah-nya di-ambil ketika para hadirin di-hiburkan sambil menikmati sajian2 ringan dalam majlis tersebut.

PENUNTUT2

BERGEMBERA



Gambar di-atas sa-belah kanan, kelihatan salah sa-orang penuntut wanita Darjah Dewasa bagi bukan Melayu, Puan Flora Loo sedang menerima sijil kejayaan-nya yang gemilang yang telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail. Di-sabelah kiri ia-lah penuntut yang telah menerima sijil kejayaan mereka yang di-raikan itu.

112 ORANG TAHANAN DI-BEBASKAN

BUNUT.—Sa-ramai 112 orang tahanan2 dari Khemah tahanan di-Berakas telah menjalani satu kursus pemulehan sa-lama lima hari di-Pusat Pemulehan di-sini, dan telah di-bebaskan.

Mereka telah di-pindahkan ka-pusat itu dalam dua pasokan dan juga berasingan waktu.

Pasokan pertama sa-ramai 49 orang telah pun di-bebaskan pada 23 April lepas sa-lepas menjalani kursus pemulehan di-pusat itu dan pasokan yang kedua, berbilang sa-ramai 63 orang telah pun di-pindahkan dari Khemah tahanan pada 24 April lepas.

Pasokan yang kedua ini selesai dalam latihan tersebut dan mereka telah di-bebaskan kamarin.

Sa-masa kursus itu di-jalankan,

17,845 Orang Buta Huruf

BANDA RBRUNEI. —Pengerah Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar berkata kemarin sa-ramai 17,845 orang penduduk2 Melayu yang berumur 10 tahun ka-atas maseh lagi buta huruf.

Haji Jamil telah memberitahu penghulu2 dan ketua2 kampung Daerah Brunei/Muara dalam satu perjumpaan-nya dengan mereka di-Mahkamah di-sini.

Beliau berkata orang2 Melayu di-negeri ini harus-lah tahu menulis dan membaca. Mereka hendak-lah mengambil peluang memasoki darjah2 dewasa yang di-adakan oleh Kerajaan di-negeri ini, tegas beliau sa-lanjut-nya.



INCHE CHIN KUI FAH



pegawai2 kanan dari pejabat2 Pertanian, Buruh, Kemajuan, Perubatan dan Kesihatan, Uga-ma dan Imigresen telah melawat ka-pusat itu untuk memberi sharahan2 mengenai pejabat masing2.

Sharahan2 itu menyentoh perkara2 terhadap budoh-nya melancarkan penderhakaan bersenjata dan juga ada menyentoh tentang faedah2 dari ranchangan Malaysia dan bahaya faham komunis.

Perwakilan Di-Tolak

VIETNAM.—Kerajaan Vietnam Selatan telah di-beritakan sedang menimbang untuk membuat satu bantahan terhadap sikap Indonesia menyingkirkan rombongan perwakilan negerinya bagi menyertai ka-dalam sidang wartawan2 Asia-Afrika yang berlangsung di-Jakarta itu.

Bentok rupa surat bantahan yang hendak di-kirim itu, bagaimana pun, belum di-putuskan.

Sa-ramai tiga orang yang mewakili negeri Vietnam Selatan telah di-tolak sa-malam dari menyertai sidang tersebut tetapi wakil2 dari pihak Front Pembebasan Vietnam Selatan, telah di-benarkan masuk.

Setiausaha Agong Jawatankuasa Peranchang, Tuan Tahsin sa-malam menyatakan, penolakan perwakilan Vietnam Selatan itu ada-lah di-sebabkan ia-nya telah tidak di-jemput.

TAHANKAN MALAYSIA

JAKARTA.—Wakil Malaya di-sidang wartawan Asia-Afrika di-sini, Inche Rozedin bin Haji Yaacob, telah mempertahankan konsep Malaysia.

Inche Rozedin berkata ra'ayat Asia dan Afrika mempunyai tanggung jawab dari segi moral untuk menyokong perjuangan ra'ayat yang ingin memoleh senderi sa-chara bebas chorak politik, ekonomi dan social mereka.

Perempuan Terhutang Nyawa Askar2 Beri Darah

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang perempuan Brunei, telah "terhutang nyawa" kepada 4 orang tentera Pasokan (port squadron) yang ke-10, Jurutera Diraja yang telah memberi darah sa-waktu dalam kechemasan baharu2 ini.

Derma darah ini mula-nya bukan-lah untuk perempuan itu tetapi untuk sa-orang tawanan penderhaka yang hendak menjalani satu pembedahan kerana penyakit barah dalam perut.

Sa-belum pembedahan di-jalankan, doktor2 telah mengetahui bahawa penderhaka itu memerlukan bantuan darah jenis "O" dan satu seruan chemas telah dibuat oleh Rumah Sakit Besar Brunei kepada pasokan Field Ambulance yang ke-16 yang mempunyai sa-buah pusat penerima perubatan dalam Ward 10 hospital tersebut.

Staff Sergeant John Drummond yang mengetahui pusat tersebut terus pergi mendapatkan penderma2 sukarela untuk men-

dapatkan darah dengan serta merta.

Dalam unit pertama, Squadron Pelabohan yang ke-10 Jurutera Diraja, beberapa orang telah tampil ka-muka dan Staff Sgt. Drummond telah membawa 4 orang dari mereka ka-Rumah Sakit Besar.

Di-sana darah telah di-ambil dan di-simpan untuk pembedahan ke-esokan hari-nya.

Tetapi pada malam itu, sa-orang perempuan telah melahirkan anak dengan chara pembedahan dan terpaksa di-beri darah yang telah di-derma oleh anggota2 Jurutera Diraja tadi.

Ini bererti darah di-kehendaki lagi untuk penderhaka tadi dan

sa-kali lagi Staff Sergeant Drummond telah pergi mendapatkan penderma2 sukarela.

Pasokan pertama yang di-kunjongi-nya ia-lah pasokan Infantry Workshop yang ke-10, Jurutera Elektrik dan Mekanik Diraja, di-mana kesemua 40 orang dari pasokan tersebut telah tampil ka-muka sa-bagai menyumbat seruan itu.

Keputusan dari dua seruan kechemasan ini, staff Sergeant Drummond sekarang ini mempunyai satu sinarai nama2 lebeh dari 50 orang penderma darah sukarela dari tentera British yang bersedia mendermakan darah mereka sa-barang masa dan kapada sa-siapa jua pun termasuklah penderhaka.

Perempuan tadi, sekarang ini mulai semboh tetapi penderhaka itu telah mati dalam masa pembedahan kerana penyakit barah-nya sudah terlalu terok.

Tunggu Nara Tiba

Orang ramai telah membantiri Padang Besar, Pekan Brunei sambil membawa sepandok menyatakan taat setia dan menyokong penoh atas keputusan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam segala usaha yang mendatangkan faedah kapada ra'ayat seluruh-nya. Ini telah di-buat mereka

ketika mengalu2kan ketibaan Ketua Kabinet Bangsa2 Bersatu, Tuan C.V. Narasimhan pada 19 April yang lalu.

HAMPA TUNGGU RATU MALAYSIA


BERAKAS. — Sa-kumpulan besar penduduk2 yang telah berkumpul di-Lapangan Terbang Brunei di-sini untuk mengalu2kan ketibaan puan Cathrine Loh dari Kuala Lumpur pada 24 April lepas telah kecewa kerana kapal terbang yang membawa-nya itu tidak sampai.

Pegawai2 penerbangan memberitahu bahawa kapal terbang yang di-tunggu2 itu telah mendapat sa-dikit kerosakan jentera di-Labuan.

Puan Cathrine pelajar Brunei yang berumur 19 tahun itu telah di-mahkotakan menjadi Ratu Malaysia tahun 1963 dalam peraduan Ratu Malaysia di-Stadium Negara pada 21 April lepas.

Cathrine yang berukuran 37-22-36½ ia-lah ratu kechantean Brunei berturut2 dua tahun yang lalu. Dalam pertandingan di-Kuala Lumpur itu ia telah mengalahkan 24 orang peserta2 jelita dari wilayah2 Sabah, Sarawak, Singapura, Persekutuan Tanah Melayu dan Brunei.

Dengan kemenangan itu Cathrine akan mewakili Negara Malaysia untuk pertama kali-nya dalam peraduan Ratu Dunia yang akan di-adakan di-London dalam bulan November tahun ini.



KAUM IBU BERJUMPA



KUALA LUMPUR. — Ahli2 Kaum Ibu dari Parti Perikatan Brunei telah mengadakan satu perbincangan pendek dengan ahli2 Kaum Ibu Pertubohan Perikatan Kebangsaan Sabah (UNSO) di-sini di-Hotel Sentosa pada 19 April lepas.

Kedua2 pertubohan itu telah mengadakan lawatan dua minggu

ka-Persekutuan Tanah Melayu atas jemputan Kerajaan Malaya.

Gambar di-atas menunjukkan ketua Kaum Ibu (UNSO) Puan Louiza binte Martyn (kanan) mengalu2kan ahli Parti Perikatan Brunei Puan Masraini binte Mohammad Daud (kiri). Di-tengah2 ia-lah sa-orang ahli rombongan Brunei, Puan Fatimah binte Zaini.

Penuntut2 Brunei Bentok Badan Malaysia

LONDON. — Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah mengambil keputusan untuk menubuhkan sabuah badan Persekutuan Penuntut2 Malaysia di-England.

Keputusan sa-demikian telah di-ambil dalam satu mesuarat tergepar badan tersebut di-Royal Commonwealth Society, Northumberland Avenue di-sini baharu2 ini.

Menurut satu siaran akhbar yang di-keluarkan oleh persatuan itu, Persekutuan yang di-chadangkan itu akan terdiri dari Persatuan Penuntut2 Sarawak, Persatuan Penuntut2 Sabah, Persatuan Penuntut2 Brunei, sabuah persatuan kebangsaan penuntut2 Malaya, dan lagi sabuah bagi Singapura.

Siaran akhbar itu sa-terus-nya mengatakan ada-lah di-harapkan persekutuan penuntut2 baharu itu akan munchul apabila terchipta-nya Malaysia pada 31 Ogos tahun ini.

Sementara itu, President persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah mengeluarkan satu penjelasan kapada Setia Usaha Agong Bangsa-Bangsa Bersatu U Thant bahawa semua ahli2 persatuan-nya tidak ada kena mengena sama ada sahara langsung atau pun sa-balek-nya dengan sa-buah memorandum kapada U Thant mengenai "Anchaman Kapada Keamanan di-Asia Tenggara", yang bertarikh pada 10 Mach, 1963.

Memorandum itu telah di-keluarkan oleh sa-kumpulan penuntut2 dari ra'ayat2 Malaya, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei di-United Kingdom.

Telah di-jelaskan bahawa Persatuan Penuntut2 Brunei tidak ada sangkut paut-nya dengan memorandum tersebut.

Peraduan Sokan Sekolah2 Sekarang Mulai

BANDAR BRUNEI. — Achara peraduan sokan tahunan bagi sekolah2 Melayu seluruh negeri telah di-mulakan hari ini dan di-jangka akan berakhir pada 8 Jun, 1963 hadapan.

Sa-bagai memulakan achara itu peraduan bagi memilih kejohanan sekolah2 Melayu bahagian Kuala Temburong telah di-langsungkan di-Padang Sekolah Melayu Pulau Baru2 pagi tadi.

Sekolah2 Melayu Pulau Baru2, Batu Marang, Pulau Berbunut dan Menunggol telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Murid2 yang berjaya dari keempat2 buah sekolah itu akan ertanding sa-mula untuk memilih kejohanan Daerah Temburong yang akan di-langsungkan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong pada 15 Mei ini.

Guru Khas Sokan, Inche Md. Husain bin Zainal berkata bahawa selesai sahaja pemilihan kejohanan daerah di-tiap2 sekolah Melayu di-negeri ini, satu peraduan terakhir bagi memilih kejohanan negeri akan di-adakan pada 8 Jun, 1963 di-Padang Besar, Pekan Brunei.

PENCHARAGAM

Jadual2 peraduan sokan tahunan bagi memilih wakil2 sekolah2 Melayu di-negeri ini yang akan bertanding sa-mula di-peraduan akhir itu adalah seperti berikut:

◆ Pada 5 Mei, 1963 akan di-adakan pemilihan untuk mewakili sekolah2 Melayu Jalan Tutong yang terdiri dari sekolah2 Melayu Sengkurong, Berdahara Sakam (Bunut), Orang Kaya Setia Bakti (Kilanas), Jerudong, Kati Mahar dan Bengkurong bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sengkurong.

Sa-bagai menyerikan lagi peraduan itu, satu permainan pencharagam dari Pasukan Pencharagam Pulis Brunei akan mempersembahkan permainan pencharagam-nya.

◆ Bagi pemilihan wakil dari sekolah2 Melayu Kuala Brunei yang terdiri dari sekolah2 Melayu Lumapas, Kasat, Dato Gandhi, Subok dan Sungai Besar akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Lumapas pada 6 Mei, 1963.

Ini adalah julong2 kali pemilihan tersebut di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Lumapas.

◆ Pada 9 Mei, 1963 bertempat di-Padang Sekolah Melayu Pengkalan Batu akan di-adakan pemilihan untuk mewakili Sekolah2 Melayu Ulu Brunei yang terdiri dari

ri sekolah2 Melayu Pengkalan Batu, Masin, Panchor Murai dan Limau Manis.

◆ Pemilihan untuk mewakili sekolah2 Melayu Jalan Muara yang terdiri dari sekolah2 Melayu Delima 1, Muara, Sungai Hanching, Gadong, Batu 6 Jalan Pasir, Pulaie, Mentiri, Burong Pinggai Berakas dan Tanah Jambu akan di-adakan pada 12 Mei, 1963 bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muara.

TERAKHIR

Sa-belum achara pemilihan itu di-jalankan, satu persembahan permainan pencharagam dari pasukan Pencharagam Polis Brunei akan di-adakan.

◆ Pada 15 Mei, 1963 akan di-adakan pemilihan untuk mewakili sekolah2 Melayu Daerah Temburong di-Padang Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong.

Dalam pemilihan ini, semua sekolah2 Melayu yang termasuk dalam kawasan Daerah Temburong dan wakil dari pemilihan Kuala Temburong akan mengambil bahagian.

◆ Pemilihan terakhir bagi mewakili sekolah2 Melayu bahagian Brunei II ia-itu sekolah2 Melayu luar bandar

SUROHANJAYA BAHARU

BRUNEI:—Inche Richard A. Woolcott telah mulai memegang jawatan-nya sa-bagai Pemangku Surohanjaya Australia bagi Singapura, Brunei Sarawak dan Sabah dalam pertengahan bulan lepas.

Inche Woolcott telah mulai berkhidmat di-Jabatan Hal Ahwal Luar Negeri sa-sudah tamat penuntutan di-Universiti Melbourne.

Beliau telah bertugas sa-lama dua tahun di-Pejabat Kedutaan di-Moscow dan pernah ditempatkan di-London dan Africa Selatan.

Beliau telah menghadhiri persidangan tahunan Pertubuhan Bangsa2 Bersatu tahun lalu sa-laku salah sa-orang ahli bagi perwakilan Australia.

Dalam tahun 1961 beliau telah di-lantek menjadi Setiausaha Pertama bagi Pesuruhjaya Tinggi Australia di-Kuala Lumpur.

Beliau pulang ka-Australia dalam bulan lepas untuk perbincangan2 biasa di-Ibu Kota, Canberra.

Sekolah2

akan di-adakan di-Padang Besar Pekan Brunei pada 18 Mei, 1963 ini.

◆ Pada 19 Mei, 1963 akan di-adakan pemilihan bagi sekolah2 Melayu dalam Bandar (Brunei I) yang terdiri dari Sekolah2 Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam, Laila Menchanai dan Raja Isteri Fatimah, di-Padang Besar, Pekan Brunei; dan

◆ Pada 8 Jun, 1963 adalah tarikh yang terakhir bagi menentukan sekolah manakah yang berjaya menjadi johan sokan sekolah2 Melayu sa-Negeri Brunei bagi tahun 1963 yang akan di-langsungkan di-Padang Besar, Pekan Brunei pada tarikh tersebut.

Dalam pemilihan terakhir itu nanti wakil2 daerah yang telah di-pilih yang terdiri dari wakil2 sekolah2 Melayu Brunei I, Brunei II, Belait/Seria, Tutong dan Temburong akan mengambil bahagian.

BERITA TAK BENAR

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah menapikan satu berita United Press International yang telah di-siarkan oleh surat2 khabar Malaya, Straits Times dan Berita Harian keluaran 25 April.

Berita itu telah mengatakan bahawa Kerajaan Brunei dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan menanda tangani surat2 rasmi yang melorongkan memasukkan Brunei ka-dalam Persekutuan Malaysia di-Kuala Lumpur tidak lama lagi.

Kerajaan juga menapikan bahawa segala persiapan sedang dibuat untuk menghantar sa-rombongan lima orang ka-London menghadhiri perundingan pusingan akhir mengenai Malaysia.

Juruchakap kerajaan sa-terusnya menegaskan bahawa berita tersebut ada-lah tidak benar kerana persiapan yang saperti itu tidak ada di-buat.

SA-MASA LAWAT KA-ULU

Pegawai2 Kerajaan dari berbagai2 pejabat di-Kuala Belait telah mengadakan lawatan rasmi ka-kampung2 Ulu Belait dua minggu yang lalu. Gambar kanan ialah jembatan yang menghubungkan ka-Kampung Merangking dengan Kampung Bukit Sawat masch dalam pembinaan. Bawah: kelihatan rombongan kerajaan tersebut bergambar ramai dengan penduduk2 Kampung Sukang yang terdiri dari Puak Punan.



FILIPINA BANTAH

BANGSA2 BERSATU.—Wakil Filipina Tuan Provado Jimenez telah menyatakan tentang negara-nya terhadap pembentokkan Malaysia, dan sekali lagi telah mengulangi tuntutan-nya ka-atas kedaulatan wilayah, Sabah.

Wakil Filipina itu juga telah membantah Britain, mengenai syarat mengemukakan penerangan tentang wilayah Sabah kepada Bangsa2 Bersatu, seperti yang di-wajibkan kepada negara2 yang memerintah.

Tuan Jimenez berkata, pertikaian antara Britain dan Philipina mengenai hak milik wilayah Sabah itu masih lagi terdapat.

Tuan Jimenez memberitahu Badan dunia itu bahawa wilayah

Sabah asal-nya telah di-kuasai oleh Sultan Brunei, tetapi kemudian-nya telah di-pajakkan kepada sa-orang bangsa Ingeris Alfred Dent, dalam tahun 1788, dan tidak-lah di-serahkan sabagai mana yang di-da'wa oleh Britain.

PERSIDANGAN

Tuan Jimenez berkata pada masa ini beliau tidak dapat mengulas lebih lanjut mengenai Malaysia, sebab persidangan menteri2 luar antara Tanah Melayu, Filipina dan Indonesia, akan di-adakan di-Manila bulan ini.

Tuan James Scott bagi pihak Britain telah mengatakan duka-chita-nya yang wakil Filipina itu terlalu banyak menghabiskan waktu dalam soal2 politic, untuk menyatakan tuntutan-nya ka-atas Sabah.

Tuan James Scott berkata, bahawa hak kedaulatan Britain ka-atas Sabah itu memang tidak dapat di-ragu2kan.

Hapus Penderhakaan Kembali Keamanan

BERKURONG DI-SARAWAK

KUCHING.— Kerajaan Sarawak semalam telah mengeluarkan perintah berkurong berikutan dengan rusuhan2 yang terjadi di-sempadan negeri itu dengan Indonesia.

Perintah berkurong ada-lah di-kenakan di-kawasan2 sa-panjang 300 batu di-sempadan tersebut dari jam 8.00 malam hingga jam 4.00 pagi ke-esokan hari-nya.

Penderhaka Luka Meninggal Dunia

BANDAR BRUNEI.— Sheikh Osman bin Sheikh Mahmood, saudara kepada pemimpin pemberontak Azahari, telah meninggal dunia di-Rumah Sakit Besar di-sini pada 23 April.

Sheikh Osman, kepala-nya berharga sa-jumlah \$5,000 itu, ada-lah sa-orang anggota kanan

Tentera National Kalimantan Utara.

Dalam satu serbuan bersama pulis dan tentera ka-atas sa-buah rumah yang di-perchayai Osman telah bersembunyi kira2 5½ batu dari sini Osman telah melepaskan tembakan-nya.

Pertemporan sengkat tetapi hebat telah terjadi kira2 jam

11.00 malam 18 April. Kerana luka2 di-bahu-nya Osman pun menyerah dan di-bawa ka-rumah sakit tersebut untuk di-rawat.

Pada hari Osman di-tawan itu, sa-orang lugu saudara Azahari, Sheikh Salleh, juga kepala-nya berharga \$5,000, telah di-tawan oleh pihak yang berkuasa.

P. B. B. AMBIL BERAT

(Dari Muka 1)

nya ka-wilayah Irian Barat telah singgah melawat sa-lama dua hari ka-negeri ini pada 19 April lepas.

Beliau ada-lah wakil peribadi U Thant, Setiausaha P.B.B. untuk menghadiri upacara penyerahan wilayah itu hari ini.

Sa-masa di-negeri ini Tuan Narasimhan berkata bahawa tanda2 yang menunjukkan ketegangan mengenai Malaysia sudah kendor dengan banyak-nya.

Ini, kata beliau, ada-lah memandang kepada hasil dari rundingan yang telah di-adakan baharu2 ini di-antara timbalan2

menteri luar Malaya Indonesia dan Philipina di-Manila.

Beliau telah juga mengumumkan sa-masa berada di-Kuala Lumpur minggu lepas bahawa sidang Menteri2 Luar ketiga2 buah negeri itu akan berlangsung di-Manila mulai 10 Mei akan datang ini.

Sa-masa di-Brunei beliau telah berkata bahawa beliau telah tidak berpeluang menemui pemimpin2 politik dan juga kumpulan2 sa-bagaimana yang di-buat-nya di-Sarawak.

Di-Sarawak, kata-nya, pemimpin2 politik telah menemui beliau dan telah menyatakan pendapat masing2 terhadap Malaysia.

Tuan Narasimhan telah menegaskan bahawa lawatan-nya ka-Tenggara Asia kali yang kedua itu ada-lah untuk mengetahui keadaan yang sa-benar di-kawasan2 Borneo kerana dalam lawatan-nya yang pertama beliau tidak singgah ka-Borneo.

PERHUBONGAN

Beliau menjelaskan bahawa P.B.B. tidak mengambil berat tentang kedudukan dalam negeri tetapi ia-nya mengambil berat tentang kedudukan luar negeri ia-itu mengenai perhubungan negeri2 Malaysia dengan negara2 jiran.


Lebih 5,000 orang telah mengalu2kan ketibaan Tuan Narasimhan ka-Brunei dengan menjinjing sepandok yang menyatakan mereka ada-lah taat setia kepada raja mereka yang tidak berbelah bagi dan juga akan patuh dan menyokong atas keputusan yang di-ambil baginda dalam lapangan apa jua yang menda-tangkan faedah kepada ra'ay seluruh-nya.

Mereka juga telah mengutuk penderhakaan yang telah di-jen-terakan oleh Azahari dan pengikut2-nya yang tidak bertanggung jawab itu.

RUNDINGAN SEMPADAN

NEW DELHI.— President Majlis Tertinggi Republik Arab Bersatu, Wing Commander Aly Sabry, telah tiba di-sini dari Peking hari Sabtu lepas kerana berunding dengan Perdana Menteri Nehru, mengenai sengketa sempadan antara China dan India.

Satiba-nya di-lapangan terbang Calcutta, beliau telah memberitahu kepada para pemberita, bahawa sa-telah mengadakan rundingan dengan pemimpin2 China Kominis beliau yakin satu penyelesaian mungkin di-chapai, mengenai sengketa sempadan itu.



Guru Ugama Perempuan Daerah Belait yang turut hadir dalam perjumpaan Guru2 Ugama Daerah Belait yang telah di-langsungkan di-Dewan Tunas Harapan, Sekolah Melayu Mohammiad Alam, Seria pada 27 April yang lalu. (Berita penuh lihat muka 2)

MALAYSIA UNTUK SATU BANGSA, SATU BUDAYA